



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGLIBATAN MURID BERMASALAH PENDENGARAN DALAM AKTIVITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI BILIK DARJAH

SYAMSINAR BINTI ABDUL JABAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KHAS

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI**

2013



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
ii

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan



PustakaTBainun



ptbupsi

SYAMSINAR BINTI ABDUL JABAR

P 51072



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kepada Allah S.W.T kerana memberikan saya kesihatan yang baik dan fikiran yang waras untuk menyiapkan kajian ini. Jutaan terima kasih saya tujuarkan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr. Manisah Mohd. Ali atas bantuan yang begitu besar, bimbingan, teguran dan nasihat yang amat berguna sepanjang kajian ini dijalankan.

Tidak dilupakan juga terima kasih saya kepada suami dan keluarga tercinta yang telah banyak memberikan sokongan dan memahami kepayahan yang dilalui sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Ucapan terima kasih ini juga ditujukan kepada pihak sekolah yang telah membentarkan kajian ini dijalankan serta kepada guru-guru dan murid-murid yang telah memberikan kerjasama yang amat baik sepanjang saya berada di sekolah. Akhir sekali ucapan terima kasih saya tujuarkan kepada rakan-rakan sekuliah dan rakan-rakan sekerja yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung di dalam menyiapkan kajian ini.



ABSTRAK

Kajian kes ini dijalankan untuk meninjau pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik serta mengenal pasti faktor penggalak dan penghalang penglibatan murid di dalam aktiviti berkenaan. Kajian ini melibatkan empat orang murid bermasalah pendengaran, seorang guru Matematik dan seorang guru Bahasa Melayu. Instrumen kajian merupakan satu set borang senarai semak pemerhatian digunakan untuk mengumpul data berkenaan tahap penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik. Protokol temu bual digunakan untuk menemu bual guru dan murid bagi mengetahui faktor-faktor penggalak dan penghalang penglibatan murid di dalam bilik darjah. Data temu bual pula dianalisis dengan mentranskripsikan ke dalam bentuk verbatim dan diberikan tema-tema berdasarkan persoalan kajian. Hasil kajian mendapati murid menunjukkan tahap penglibatan tinggi dari aspek persediaan peralatan pembelajaran di dalam kedua-dua mata pelajaran. Tahap penglibatan yang tinggi juga ditunjukkan dalam aspek latihan di papan putih bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Faktor penggalak kepada penglibatan murid adalah pendekatan pengajaran guru, minat terhadap mata pelajaran, perhatian dan galakan daripada guru, alat bantu mengajar yang menarik dan bantuan daripada rakan sekelas. Faktor penghalang pula adalah sikap murid, masalah komunikasi, masalah alat bantu pendengaran dan penggunaan alat bantu mengajar yang kurang menarik. Kajian ini memberi implikasi bahawa murid bermasalah pendengaran boleh menunjukkan penglibatan tinggi di dalam aktiviti bilik darjah sekiranya mendapat galakan dan bimbingan daripada guru.





PARTICIPATION IN THE CLASSROOM TEACHING AND LEARNING ACTIVITIES AMONG STUDENTS WITH HEARING IMPAIRMENTS

ABSTRACT

This case study was conducted to explore the perceptions of teachers of hearing impaired students involved in the teaching and learning activities in the classroom for Bahasa Melayu and Mathematics as well as identifying the encouragement and factors in student participation in the activity. The study was also carried out to examine factors that encourage and discourage pupils' participation in both Bahasa Melayu and Mathematics subject. The study involved four students with hearing impairments and also two teachers who teaches Bahasa Melayu and Mathematics respectively. An observation checklist was used to obtain data concerning the level of pupils' participation in the teaching and learning activities of Bahasa Melayu and Mathematics subject. Interview protocols were used on teachers and pupils to identify factors that either encourage or discourage pupils' participation in classrooms activities. Interview data were transcribed verbatim and themes were given according to research questions. From this study it was found that students showed a high level of participation in terms of preparation of learning tools in both classrooms. High level of participation was also reflected in whiteboard written works, during Bahasa Melayu lessons. Students' participation in the classrooms activities were encouraged by teachers' teaching approaches, interest in the subject, attention and encouragement from teachers, attractive teaching aids and support from the classmates. Factors that discouraged students' participation were attitude of the students themselves communication problems, problems with hearing aids and the use of less attractive teaching aids. This study implies that students with hearing impairment can show a high level of involvement in classroom activities if they received encouragement and guidance from the teachers.





KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI ILUSTRASI	xii

BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang kajian	1
1.4	Tujuan kajian	7
1.5	Objektif kajian	7
1.6	Persoalan kajian	7
1.7	Kerangka konseptual kajian	8
1.8	Batasan Kajian	10
1.9	Definisi operasional	10
	1.9.1 Penglibatan	10
	1.9.2 Murid bermasalah pendengaran	10
	1.9.3 Bilik darjah	10
1.10	Kesimpulan	11

BAB II TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	12
2.2	Pendekatan pengajaran dan pembelajaran murid bermasalah pendengaran dalam bilik darjah	12





2.3	Teori tingkah laku Skinner	14
2.4	Kesan kepekakan terhadap tingkah laku murid bermasalah pendengaran dalam penglibatan bilik darjah	16
2.5	Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	18
2.6	Faktor penggalak penglibatan bilik darjah	19
2.7	Faktor penghalang penglibatan bilik darjah	20
2.8	Kesimpulan	23
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	25
3.2	Reka bentuk kajian	25
3.3	Subjek kajian	25
	3.3.1 Subjek kajian murid bermasalah pendengaran	26
	3.3.2 Subjek kajian guru pendidikan khas	27
3.4	Lokasi kajian	28
3.5	Instrumen kajian	28
	3.5.1 Borang pemerhatian	28
	3.5.2 Protokol temu bual guru	29
	3.5.3 Protokol temu bual murid	29
3.6	Kesahan dan kebolehpercayaan data	30
	3.6.1 Kebolehpercayaan data	30
	3.6.2 Kesahan	30
3.7	Kajian rintis	31
3.8	Tatacara pemerolehan data	32
3.9	Tatacara penganalisisan data	33
	3.9.1 Analisis data pemerhatian	34
	3.9.2 Analisis data temu bual	34
3.10	Kesimpulan	35



**BAB IV****DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	36
4.2	Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	36
	4.2.1 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah mata pelajaran Bahasa Melayu	36
	4.2.2 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah mata pelajaran Matematik	39
4.3	Pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	41
	4.3.1 Penglibatan murid secara keseluruhan	41
	4.3.2 Perbezaan penglibatan berdasarkan alat bantu pendengaran	42
	4.3.3 Tingkah laku murid	43
	4.3.4 Tumpuan dalam pengajaran dan pembelajaran	44
	4.3.5 Kerja bertulis (lembaran kerja)	45
	4.3.6 Kerja bertulis (papan putih)	46



4.4	Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	48
	4.4.1 Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	48
4.5	Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	53
	4.5.1 Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	53
4.6	Kesimpulan	58

BAB V**PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

5.1	Pengenalan	59
5.2	Ringkasan kajian	59
5.3	Perbincangan dapatan kajian	60
	5.3.1 Penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	61
	5.3.2 Pandangan guru terhadap penglibatan murid	63



	bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	
5.3.3	Faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	65
5.3.4	Faktor penghalang penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti bilik darjah	68
5.4	Implikasi dapatan kajian	70
5.4.1	Implikasi teoretikal	70
5.4.2	Implikasi kepada amalan	71
5.4.3	Implikasi kepada polisi	73
5.5	Cadangan kajian lanjutan	74
5.6	Kesimpulan	75
RUJUKAN		78
LAMPIRAN		
A	Borang Pemerhatian Penglibatan Murid	83
B	Soalan Temu Bual Guru	84
C	Soalan Temu Bual Murid	85
D	Rubrik Senarai Semak Pemerhatian- Objektif dan Kriteria	86
E	Rubrik Senarai Semak Pemerhatian yang Digugurkan Setelah Dijalankan Kajian Rintis	88
F	Soalan Temu Bual Guru yang Diubah Setelah Disemak Oleh Pakar	89
G	Soalan Temu Bual Murid yang Diubah Setelah Disemak Oleh Pakar	90
H	Soalan Temu Bual Guru yang Diubah Selepas Kajian Rintis Dijalankan	91
I	Jadual Senarai Panel Pakar	92
J	Transkrip Temu Bual Guru Bahasa Melayu	93
K	Transkrip Temu Bual Guru Matematik	97
L	Transkrip Temu Bual Murid 1	102



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
X

M

Transkrip Temu Bual Murid 2

105

N

Transkrip Temu Bual Murid 3

108



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Halaman
3.1	Data demografik murid-murid bermasalah pendengaran	27
3.2	Jadual pengiraan jumlah pemerhatian	32
3.3	Penilaian tahap skor peratusan	34
4.1	Rumusan pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	47
4.2	Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penggalak penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	53
4.3	Rumusan hasil temu bual mengenai faktor penggalak Penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah	57

SENARAI ILUSTRASI

No. Rajah

Halaman

1.1

Kerangka konseptual kajian

9



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bab ini membincangkan tentang pendidikan murid-murid bermasalah pendengaran di Malaysia serta penglibatan mereka dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pendidikan bagi kanak-kanak bermasalah pendengaran di Malaysia bermula daripada peringkat intervensi awal, pra sekolah sehingga ke peringkat sekolah menengah. Walaupun mereka belajar menggunakan kurikulum yang sama dengan murid tipikal tetapi kaedah pengajarannya adalah berbeza. Proses pengajaran murid-murid bermasalah pendengaran dilaksanakan dengan menggunakan komunikasi seluruh upsi (*total communication*).

Walaupun murid-murid bermasalah pendengaran ini belajar menggunakan komunikasi seluruh, ia tidak menghalang mereka untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Namun begitu, penglibatan murid bermasalah dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran masih lagi dikatakan di tahap sederhana (Power & Hyde 2002; Borders et al. 2010). Oleh itu, satu usaha perlu dilakukan bagi mengenal pasti faktor berlakunya keadaan tersebut bagi mempertingkatkan penglibatan aktif mereka di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Penglibatan aktif murid di dalam bilik darjah tidak terhad kepada murid-murid tipikal yang belajar di kelas aliran perdana. Penglibatan murid yang mengalami masalah pendengaran yang belajar di sekolah khas, program inklusif mahupun program





pendidikan khas integrasi juga perlu diberikan perhatian. Di Malaysia, murid berkeperluan khas pada masa ini mempunyai akses kepada pendidikan dan boleh memilih satu daripada tiga opsyen persekolahan berikut iaitu sekolah pendidikan khas, program integrasi pendidikan khas dan program pendidikan inklusif. Sekolah pendidikan khas merupakan sekolah khas dengan semua murid diklasifikasikan sebagai kurang upaya (seperti murid bermasalah pendengaran dan masalah penglihatan). Manakala program integrasi pendidikan khas pula merupakan program yang disediakan di sekolah arus perdana yang mempunyai kelas khusus untuk murid berkeperluan khas. Program pendidikan inklusif merupakan program yang dilaksanakan di sekolah arus perdana yang mengintegrasikan satu hingga lima murid berkeperluan khas dalam kelas arus perdana (KPM 2013).

Program Sekolah Pendidikan Khas ditadbir sepenuhnya oleh Bahagian Pendidikan Khas manakala Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pemulihan Khas ditadbirkan sepenuhnya oleh Jabatan Pelajaran Negeri. Semua sekolah rendah dan menengah pendidikan khas bermasalah pendengaran menawarkan aliran akademik dan menggunakan Kurikulum Kebangsaan. Murid-murid berkeperluan khas yang mengikuti Program Pendidikan Khas Integrasi boleh mengikuti kurikulum kebangsaan atau kurikulum alternatif. Bagi murid-murid bermasalah pendengaran mereka menggunakan kurikulum kebangsaan manakala murid-murid bermasalah pembelajaran menggunakan kurikulum alternatif (KPM 2008). Pendidikan untuk murid bermasalah pendengaran bermula daripada peringkat intervensi awal, pra sekolah hingga ke tingkatan enam atas. Pendidikan di peringkat sekolah rendah mengambil masa selama lapan tahun dan bagi peringkat sekolah menengah pula selama tujuh tahun. Mereka belajar menggunakan kurikulum dan buku teks yang sama, tetapi kaedah pengajarannya adalah berbeza. Proses pengajaran kepada kanak-kanak pekak dilakukan menggunakan komunikasi seluruh (*total communication*). Dalam aspek peperiksaan pula, mereka menduduki semua peperiksaan seperti yang diduduki oleh kanak-kanak tipikal (Mohd.Hanafi et al. dalam Zalizan 2012).

Pembelajaran bagi murid bermasalah pendengaran adalah sama seperti murid di kelas arus perdana, maka penglibatan mereka dalam aktiviti pengajaran dan





pembelajaran perlu diberi perhatian. Ini kerana penglibatan aktif murid di dalam aktiviti pengajaran akan menggalakkan pembelajaran di dalam sesebuah bilik darjah. Selain menggambarkan pemahaman murid terhadap pengajaran guru, penglibatan yang aktif di dalam aktiviti kelas memberikan peluang kepada mereka untuk belajar dan memberikan pendapat terhadap pengetahuan baru yang diperoleh. Terdapat beberapa cara murid boleh melibatkan diri di dalam aktiviti bilik darjah. Antaranya ialah memberikan pandangan atau idea secara spontan, menjawab soalan guru secara sukarela, menjawab soalan apabila diminta oleh guru, membuat latihan di papan hitam, bertanyakan kepada guru mengenai tugas dan menyiapkan kerja bertulis di dalam kelas. Selain itu, murid juga boleh melibatkan diri di dalam kelas dengan hanya melihat, mendengar dan berfikir (Turner & Patrick 2004).

Penglibatan murid di dalam pengajaran dan pembelajaran sesebuah bilik darjah boleh diukur melalui penglibatan secara boleh diperhatikan dan tidak boleh diperhatikan. Penglibatan yang boleh diperhatikan dengan mata kasar adalah seperti bersoal jawab dengan guru, menjawab soalan secara sukarela dengan mengangkat tangan, membuat aktiviti bertulis dan mencatat nota. Manakala penglibatan yang tidak dapat diperhatikan dengan mata kasar adalah seperti duduk diam sambil mendengar sahaja apa yang diperkatakan oleh guru tanpa memberikan sebarang reaksi secara fizikal (Hartley 2000). Selain itu juga, tingkah laku seperti menjawab soalan secara sukarela, menjawab soalan apabila dipanggil oleh guru, membuat kerja bertulis di papan putih, bertanyakan kepada rakan atau guru berkenaan tugas serta menyiapkan kerja bertulis yang diberikan oleh guru juga turut dilihat di dalam menilai tahap penglibatan murid di dalam bilik darjah (Hartley, Kehle & Bray 2002).

Definisi mengenai penglibatan yang telah ditakrifkan di dalam kebanyakan literatur kebanyakannya merujuk kepada tingkah laku tertentu yang dilakukan oleh murid seperti menjawab dan menyolve soalan. Misalnya, Bippus dan Young (2000) mendefinisikan penglibatan sebagai melibatkan diri di dalam perbincangan kelas dan menahan diri daripada melakukan tingkah laku yang negatif. Petress (2006) pula telah mendefinisikan penglibatan sebagai mengandungi tiga dimensi penilaian iaitu kuantiti, boleh dipercayai dan kualiti. Petress menerangkan kuantiti yang dimaksudkan ialah peluang yang diberikan kepada murid untuk melibatkan diri.





Boleh dipercayai pula merujuk kepada penglibatan murid yang menyumbang kepada kerelevanan, kejelasan dan rasa hormat kepada guru apabila dipanggil di dalam kelas. Kualiti penglibatan kelas pula merujuk kepada murid yang menunjukkan kesedaran kendiri kepada konsep yang dikemukakan di dalam perbincangan bilik darjah. Kualiti penglibatan ini melibatkan kekerapan interaksi murid dengan guru ketika perbincangan berlangsung.

Penglibatan murid di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dikatakan sebagai satu tabiat kerja yang berharga atas beberapa sebab yang berikut. Antaranya ialah penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah dapat memberikan peluang kepada mereka untuk belajar dan mempraktikkan ilmu baru, menerangkan sesuatu perkara yang mereka fikirkan dan untuk menyelidik proses pemikiran serta mengenal pasti keperluan berfikir terhadap perkara baru yang diperkenalkan. Selain itu, ia juga dapat membantu guru menyelami proses berfikir seseorang murid itu terhadap pengajarannya, mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh murid berkenaan pembelajaran dan menaksir kemajuan murid secara tidak langsung (Turner & Patrick 2004).



1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian-kajian lepas mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah kebanyakannya melibatkan murid-murid yang belajar di kelas aliran perdana. Misalnya beberapa kajian yang memfokuskan kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran yang belajar di kelas inklusif (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Wheeler et al. 2007). Manakala di Malaysia, kajian terhadap murid bermasalah pendengaran lebih memberi fokus kepada pencapaian akademik murid (Shahrul Arba'iah 2002). Masih kurang lagi kajian yang melihat kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah khas mahupun di program percantuman atau integrasi.

Kajian mengenai penglibatan murid bermasalah pendengaran perlu dilakukan kerana berdasarkan kajian-kajian lepas, penglibatan murid bermasalah pendengaran





dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dikatakan masih berada di tahap sederhana (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002; Stinson & Liu 1999; Wheeler et al. 2007). Tahap penglibatan sederhana yang ditunjukkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran ini boleh menjuruskan kepada risiko murid bermasalah pendengaran terus ketinggalan dalam sistem persekolahan. Hal ini kerana murid yang tidak menunjukkan penglibatan aktif dalam pengajaran dan pembelajaran sering kali dikaitkan dengan ketidakfahaman mereka terhadap pelajaran yang diajar. Sekaligus menyebabkan murid akan ketinggalan dalam pelajaran dan gagal dalam akademik (Borders et al. 2010).

Kajian-kajian terdahulu telah membuktikan terdapat jurang penglibatan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di antara murid bermasalah pendengaran dengan rakan tipikal mereka (Borders et al. 2010; Martin et al. 2009; Power & Hyde 2002). Murid bermasalah pendengaran dikatakan tidak menunjukkan penglibatan yang aktif terutamanya ketika guru meminta mereka memberikan cadangan atau pendapat. Penglibatan yang aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di kalangan murid bermasalah pendengaran dirasakan perlu oleh para pengkaji terdahulu kerana ini menunjukkan sama ada mereka faham atau tidak terhadap pengajaran guru (Borders et al. 2010).

Ketidakaktifan penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran berkemungkinan dapat dikaitkan dengan dapatan Kritzer (2008). Kritzer (2008) telah merumuskan bahawa murid bermasalah pendengaran kurang aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah kerana pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru kurang sesuai dan bukanlah disebabkan oleh masalah kognitif. Hal ini pernah diutarakan oleh Ansell dan Pagliaro (2006) yang menyatakan murid bermasalah pendengaran akan lebih melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah jika kaedah pengajaran guru adalah sesuai. Pendapat Kritzer (2008) dan Ansell dan Pagliaro (2006) turut disokong oleh Borders et al. (2010) yang menyatakan salah satu aspek yang mempengaruhi penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran dalam pengajaran dan pembelajaran ialah kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru.





Pendapat-pendapat ini merupakan satu cabaran kepada guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran kerana ketidakaktifan murid dilihat sebagai kegagalan guru.

Isu yang timbul dalam konteks guru yang mengajar murid bermasalah pendengaran ialah dari segi pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru dikatakan kurang sesuai dan menyebabkan murid kurang berminat untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, galakan dan sokongan daripada guru juga amat diperlukan oleh murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya ketika aktiviti perbincangan berkumpulan dijalankan (Stinson & Liu 1999; Power & Hyde 2002).

Selain daripada melihat dari aspek peranan guru kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, kajian mengenai perbezaan penglibatan murid di dalam dua mata pelajaran yang berlainan juga masih kurang dijalankan. Kebanyakan kajian yang dijalankan sebelum ini hanya melihat penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam satu mata pelajaran sahaja. Antaranya ialah kajian yang dijalankan oleh Borders et al. (2010) yang meninjau penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris. Dapatan daripada kajian Borders et al. (2010) telah mencadangkan agar satu kajian dijalankan bagi melihat penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam dua mata pelajaran yang berbeza terutamanya yang melibatkan pengiraan dan bahasa bagi mengenal pasti dengan lebih mendalam bagaimana murid bermasalah pendengaran melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Ini kerana murid bermasalah pendengaran sering kali dikatakan kurang menguasai mata pelajaran yang berbentuk bahasa disebabkan oleh pemerolehan bahasa yang lambat (Tomblin et al. 1999 & Figueras et al. 2008). Apabila mereka kurang menguasai bahasa maka penglibatan mereka di dalam aktiviti bilik darjah juga akan menjadi kurang aktif (Borders et al. 2010). Justeru, kajian ini dapat memberikan maklumat sama ada murid bermasalah pendengaran lebih melibatkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah bagi mata pelajaran Matematik ataupun Bahasa Melayu.





1.4 TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah serta melihat faktor-faktor yang menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Berdasarkan tujuan kajian, objektif-objektif kajian dijelaskan seperti berikut untuk:

- a. Mengenal pasti penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
- b. Meninjau pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
- c. Mengenal pasti faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.
- d. Mengenal pasti faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah.

1.6 PERSOALAN KAJIAN

Melalui kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan jawapan kepada persoalan berikut:

1. Bagaimakah penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
2. Bagaimakah pandangan guru terhadap penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
3. Apakah faktor penggalak kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?
4. Apakah faktor penghalang kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?





1.7 KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN

Kerangka konseptual kajian ini dibina berdasarkan kepada Teori Tingkah Laku Skinner. Teori ini menumpukan perhatian ke atas aspek tingkah laku manusia yang boleh diperhatikan dan diukur. Tingkah laku yang dilakukan melambangkan pembelajaran berulang dan bagaimana proses pembelajaran berlaku. Teori ini menerangkan tingkah laku negatif atau tingkah laku yang tidak diingini seperti tidak mengikut peraturan bilik darjah dan kurang memberikan tumpuan dalam pengajaran guru memberi kesan kepada penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Berdasarkan kepada teori Skinner ini lagi, bagi mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini, guru perlulah segera membetulkan tingkah laku tersebut dengan memberikan hukuman. Hukuman yang diberikan adalah satu proses atau tatacara untuk melemahkan atau mengurangkan tingkah laku yang tidak diingini. Apabila tingkah laku yang tidak diingini tersebut telah dibetulkan, ia dapat meningkatkan tahap penglibatan murid di dalam aktiviti bilik darjah.




ditunjukkan oleh murid bermasalah pendengaran dalam melibatkan diri ketika aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dijalankan. Selain itu, pengkaji cuba memahami apakah faktor-faktor yang boleh menjadi penggalak dan penghalang kepada penglibatan aktif murid bermasalah pendengaran di dalam bilik darjah. Berpandukan kepada teori Skinner ini, pemberian peneguhan positif atau peneguhan negatif boleh menjadi salah satu faktor penggalak kepada penglibatan aktif murid dalam aktiviti bilik darjah. Misalnya seperti guru memberikan pujian (peneguhan positif) apabila murid berjaya menjawab soalan yang dikemukakan guru, pada masa hadapan akan menggalakkan lagi murid untuk menjawab soalan guru. Contoh bagi peneguhan negatif pula seperti murid berjaya menyiapkan tugas tepat pada masanya dan guru berhenti memberikan kritikan, pada masa hadapan murid akan menyiapkan tugas yang seterusnya tepat pada waktunya.

Faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid turut dilihat oleh pengkaji di dalam kajian ini. Berdasarkan kepada kajian oleh Stinson dan Liu (1999) dan Power dan Hyde (2002), murid bermasalah pendengaran kurang aktif dalam aktiviti





perbincangan di bilik darjah disebabkan oleh faktor penguasaan bahasa yang kurang seterusnya menghalang mereka untuk berkomunikasi dengan berkesan. Menurut Buhs dan Ladd (2001), murid yang menunjukkan tingkah laku yang tidak diingini seperti tidak menghormati peraturan bilik darjah, tidak mahu terlibat dengan perbincangan kelas dan tidak menyiapkan kerja yang diberikan oleh guru adalah disebabkan oleh faktor pengajaran guru yang kurang menarik dan juga faktor penolakan daripada rakan sekelas. Teori yang dikemukakan oleh Skinner turut menyatakan bahawa guru boleh menjadi faktor penghalang kepada penglibatan aktif murid di dalam aktiviti bilik darjah. Ini kerana guru berperanan membentuk tingkah laku yang positif di kalangan anak muridnya. Sekiranya guru tidak membetulkan tingkah laku yang tidak diingini dengan segera maka murid akan berterusan melakukan kesalahan sehingga mengurangkan penglibatan aktif mereka di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Kerangka konseptual keseluruhan kajian ini ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.1.



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian





1.8 BATASAN KAJIAN

Batasan kajian membolehkan pengkaji memberi fokus terhadap skop perbincangan kajian dan menghadkan perluasan kajian. Pendekatan kajian ini adalah berdasarkan kepada batasan-batasan kajian berikut:

- i. Murid bermasalah pendengaran yang terlibat sebagai subjek kajian berada di dalam sebuah kelas khas sahaja.
- ii. Pemerhatian ke atas murid hanya dilakukan ketika sesi pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik sahaja.
- iii. Guru yang ditemui bual terhad kepada dua orang sahaja iaitu guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu dan Matematik bagi kelas yang terlibat sahaja.

Oleh kerana jumlah sampel yang terlibat hanyalah daripada sebuah sekolah sahaja, maka kajian ini tidak boleh digeneralisasikan secara menyeluruh terhadap semua murid bermasalah pendengaran.

1.9 DEFINISI OPERASIONAL

Dalam konteks kajian ini, maksud istilah-istilah yang digunakan adalah seperti berikut:

1.9.1 Penglibatan

Perihal melibatkan diri dalam sesuatu hal. (Kamus Dewan Edisi Keempat 2007)

1.9.2 Murid bermasalah pendengaran

Definisi murid bermasalah pendengaran ini merujuk kepada murid pekak atau cacat pendengaran. Namun begitu, dalam sistem pendidikan di Malaysia istilah murid bermasalah pendengaran digunakan bagi menggantikan penggunaan perkataan pekak.





Walaupun istilah-istilah tersebut berbeza, namun frasa ini merujuk kepada seseorang yang mengalami kurang pendengaran (lebih 40 dB) sehingga bermasalah untuk memahami pertuturan biasa (Abdullah & Che Raabiah 2004). Sebelum penggunaan istilah bermasalah pendengaran, istilah “pekkak bisu”, cacat pendengaran dan tuli sering digunakan kepada kumpulan kanak-kanak yang mengalami kehilangan pendengaran teruk dan sangat teruk. Istilah-istilah tersebut membawa satu stigma yang negatif dan kurang disenangi oleh masyarakat. Oleh itu, istilah bermasalah pendengaran digunakan untuk menggantikan istilah pekkak, cacat pendengaran, tuli dan pekkak bisu (Safani & Mohd. Hanafi dalam Zalizan 2012). Definisi murid bermasalah pendengaran yang diberikan oleh Stewart dan Kluwin (2001) pula merujuk kepada murid yang mengalami darjah kehilangan pendengaran yang teruk sehingga memberi kesan kepada pembelajaran mereka. Murid-murid yang termasuk di dalam kategori murid bermasalah pendengaran ini adalah murid yang mengalami kesukaran mendengar dan pekkak. Dalam konteks kajian ini pula, murid bermasalah pendengaran merujuk kepada murid yang mengalami masalah pendengaran teruk atau sangat teruk dengan pemakaian alat bantu dengar dan yang tidak memakai alat bantu dengar.



1.9.3 Bilik darjah

Bilik darjah yang dimaksudkan di sini adalah bilik darjah di dalam kelas khas bermasalah pendengaran yang menempatkan murid-murid bermasalah pendengaran di dalam satu kelas.

1.10 KESIMPULAN

Kajian ini memberi penumpuan kepada penglibatan murid bermasalah pendengaran di dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dan faktor yang menjadi penggalak serta halangan kepada penglibatan murid tersebut di dalam bilik darjah.

